



**PEKELILING PELABUHAN : NO. 8 / 2000**

**Tarikh : 13 Mei, 2000**

**Kepada,**

Semua Masyarakat Perkapalan Johor .

**KERJA-KERJA PENGOREKAN DI PERAIRAN SELAT JOHOR  
TIMUR DAN PEMBUANGAN SISA PENGOREKAN**

Merujuk kepada perkara tersebut di atas , kontrak pengorekan ‘ Proposed Construction and Completion of Dredging Works and Ancillary Works at Tanjung Langsat Port ‘ (Kontrak No.:JTSB/T6/99(R) dan notis serahan kontrak kerja yang dikeluarkan oleh Johor Technopark Sdn. Bhd. , sila ambil maklum bahawa kerja pengorekan bagi maksud penyediaan alur pelayaran dan lembangan dermaga Pelabuhan Tanjung Langsat akan dilakukan seperti butiran berikut:

Tarikh Pengorekan                      dari 2hb Mei hingga 30 Julai 2000

Lokasi Pengorekan                      Alur pelayaran dan lembangan cadangan pelabuhan Tg. Langsat seperti yang ditunjukkan pada Carta Kecil 1

Tapak Pengorekan                      Kawasan yang dibendung oleh garisan imaginasi melalui titik kondinat seperti berikut:

A:	010 14.60' N	1040 11.80' E
B:	010 14.60' N	1040 13.20' E
C:	010 14.80' N	1040 13.20' E
D:	010 14.80' N	1040 11.80' E

Kapal yang digunakan	Nama Kapal	Jenis Kapal
	IRIAN JAYA	Trailing Suction Hopper Dreger
	JJB 00289 T	Tunda / Survei

Semua kapal yang dinyatakan akan mempamerkan isyarat antarabangsa pada setiap waktu

Waktu Kerja                              24 Jam

Laluan ke Lokasi  
Pembuangan                              seperti yang ditunjukkan pada Carta Kecil 2

Masyarakat perkapalan dan semua vesel adalah dinasihatkan agar belayar dengan berhati-hati dan bergerak dengan perlahan melalui kawasan yang dinyatakan.

Sekian, terima kasih.

‘BERKHIDMAT UNTUK NEGARA’

(AZIZUDIN BIN MOHAMAD)

b.p Pengarah Laut,  
Wilayah Selatan

Carta Kecil 1



